

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HGM 331 - Geografi Bandar

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Kompleksiti sistem perbandaran dikatakan berpunca daripada interaksi dimensi ruangan, struktur dan temporal sistem ini. Bincangkan pernyataan ini dalam konteks perkembangan sistem perbandaran di Malaysia sejak 1957.

(25 markah)

2. Dengan merujuk kepada negara-negara tertentu, bincangkan pro dan kontra strategi pembangunan bandaraya sekunder dalam matlamat ke arah pembangunan ruangan nasional yang lebih merata.

(25 markah)

3. Bincangkan faktor-faktor ekonomi dan politik yang telah berperanan dalam perubahan bandaraya moden dan sistem perbandarannya semenjak akhir 1970an. Seterusnya dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, huraikan kesan proses-proses yang berlaku.

(25 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. (a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan 'masalah dalaman bandar'?
- (10 markah)
- (b) Sejauh manakah campur tangan pihak kerajaan berkeupayaan untuk mengatasi masalah ini? Sokongkan hujah-hujah anda dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
- (15 markah)
5. (a) Apakah isu-isu yang berkaitan dengan 'dasar tanah bandar'?
- (10 markah)
- (b) Bincangkan keperluan 'reformasi dasar tanah bandar' di negara membangun bagi menjamin pembangunan bandar yang lebih teratur dan mampan.
- (15 markah)
6. Jelaskan perbezaan struktur yang lazim di antara kawasan pinggir bandar dan kawasan pusat bandar. Sejauh manakah strategi pembangunan kawasan pinggir bandar berkeupayaan mengatasi masalah pusat bandar.
- (25 markah)

-oooOOoooo-